

PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA  
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA  
SEKTOR OPERASI SEKOLAH  
SCHOOL OPERATIONAL SECTOR  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA  
ARAS 4 BLOK E2, KOMPLEKS E  
LEVEL 4 BLOCK E2 COMPLEX E  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE  
62604 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302  
Faks : +603-8888 6680  
Website : <http://www.moe.gov.my/>

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/2 Jld.2 (30)  
Tarikh : 14 Ogos 2020

**Semua Ketua Bahagian  
Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
BILANGAN 8 TAHUN 2020**

**TAKWIM PENGGAL DAN CUTI PERSEKOLAHAN TAHUN 2021 BAGI SEKOLAH  
KERAJAAN DAN SEKOLAH BANTUAN KERAJAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
MALAYSIA**

Surat siaran ini bertujuan memaklumkan berkenaan Takwim Penggal dan Cuti Persekolahan Tahun 2021 bagi Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Kerajaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

2. Adalah dimaklumkan bahawa penggal persekolahan bagi sesi tahun 2021 akan bermula pada **20 Januari 2021** dan tamat pada **9 Disember 2021** bagi sekolah-sekolah dalam negeri **Kumpulan A**. Manakala bagi sekolah-sekolah dalam negeri **Kumpulan B**, penggal persekolahan bagi sesi tahun 2021 akan bermula pada **20 Januari 2021** dan tamat pada **10 Disember 2021**. Perincian takwim penggal dan cuti persekolahan tahun 2021 bagi negeri-negeri dalam **Kumpulan A** adalah seperti dalam **Lampiran A** dan bagi negeri-negeri dalam **Kumpulan B** adalah seperti dalam **Lampiran B**.

3. KPM juga telah menyelaras tarikh-tarikh cuti perayaan bagi sesi persekolahan tahun 2021 yang melibatkan perayaan Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidil Fitri, Hari Kaamatan, Hari Gawai Dayak, Deepavali dan Hari Krismas. Maklumat terperinci berhubung cuti perayaan bagi sesi persekolahan tahun 2021 adalah seperti dalam **Lampiran C**. Semua sekolah hendaklah mematuhi peruntukan cuti tambahan oleh KPM

*Sila catatkan rujukan Pejabat ini apabila berhubung*


sempena perayaan utama bagi sambutan Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidil Fitri dan Deepavali. Peruntukan cuti tambahan berkenaan **tidak perlu diganti**.

4. Sehubungan dengan itu, YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan dimohon mengambil tindakan memaklumkan kandungan surat siaran ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di bahagian, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah, pengetua dan guru besar bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**HAJI ADZMAN BIN TALIB**

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

(Sektor Operasi Sekolah)

merangkap Timbalan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru  
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.

1. YB Menteri Kanan Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia
2. YB Timbalan Menteri Pendidikan I  
Kementerian Pendidikan Malaysia
3. YB Timbalan Menteri Pendidikan II  
Kementerian Pendidikan Malaysia
4. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Semua Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
8. Penasihat Undang-Undang  
Kementerian Pendidikan Malaysia

## PENGAL PERSEKOLAHAN TAHUN 2021

## KUMPULAN A :

Sekolah-sekolah di negeri: Johor, Kedah, Kelantan dan Terengganu

PENGAL	MULA PERSEKOLAHAN	AKHIR PERSEKOLAHAN	JUMLAH HARI	JUMLAH MINGGU	
1	<b>CUTI AWAL TAHUN</b>			3	
	01.01.2021 - 19.01.2021		19		
	20.01.2021	31.01.2021	8	10	
	01.02.2021	28.02.2021	17		
	01.03.2021	25.03.2021	19		
	JUMLAH HARI			44	
	<b>CUTI PERTENGAHAN PENGAL</b>				1
	26.03.2021 - 03.04.2021		9		
	04.04.2021	30.04.2021	20	8	
	01.05.2021	27.05.2021	16		
	JUMLAH HARI			36	
	<b>CUTI PERTENGAHAN TAHUN</b>				2
	28.05.2021 - 12.06.2021		16		
2	13.06.2021	30.06.2021	14	5	
	01.07.2021	15.07.2021	11		
	JUMLAH HARI			25	
	<b>CUTI PERTENGAHAN PENGAL</b>				1
	16.07.2021 - 24.07.2021		9		
	25.07.2021	31.07.2021	5	7	
	01.08.2021	31.08.2021	21		
	01.09.2021	09.09.2021	7		
	JUMLAH HARI			33	
	<b>CUTI PERTENGAHAN PENGAL</b>				1
	10.09.2021 - 18.9.2021		9		
	19.09.2021	30.09.2021	10	12	
	01.10.2021	31.10.2021	20		
01.11.2021	30.11.2021	19			
01.12.2021	09.12.2021	7			
JUMLAH HARI			56		
<b>CUTI AKHIR TAHUN</b>				3	
10.12.2021 - 31.12.2021		22			

**HARI GANTI**

Hari ganti adalah hari yang pendidikan hendaklah dijalankan di sekolah bagi menggantikan hari yang pendidikan tidak dapat dijalankan atas apa-apa sebab yang diluluskan oleh Pendaftar. Hari ganti persekolahan bagi sekolah-sekolah dalam negeri Kumpulan A boleh diambil daripada mana-mana hari Sabtu minggu ke 2 atau ke 4 dalam mana-mana bulan pada tahun 2021 jika guru besar atau pengetua mendapati bahawa hari sekolah bagi sekolahnya adalah kurang dari satu ratus sembilan puluh (190) hari.

## PENGKAL PERSEKOLAHAN TAHUN 2021

## KUMPULAN B :

Sekolah-sekolah di negeri: Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan & Wilayah Persekutuan Putrajaya

PENGGAL	MULA PERSEKOLAHAN	AKHIR PERSEKOLAHAN	JUMLAH HARI	JUMLAH MINGGU
1	<b>CUTI AWAL TAHUN</b>			3
	01.01.2021 - 19.01.2021		19	
	20.01.2021	31.01.2021	8	10
	01.02.2021	28.02.2021	17	
	01.03.2021	26.03.2021	20	
	JUMLAH HARI		45	
	<b>CUTI PERTENGAHAN PENGGAL</b>			1
	27.03.2021 - 04.04.2021		9	
	05.04.2021	30.04.2021	20	8
	01.05.2021	28.05.2021	15	
	JUMLAH HARI		35	
	<b>CUTI PERTENGAHAN TAHUN</b>			2
	29.05.2021 - 13.06.2021		16	
	2	14.06.2021	30.06.2021	13
01.07.2021		16.07.2021	12	
JUMLAH HARI		25		
<b>CUTI PERTENGAHAN PENGGAL</b>			1	
17.07.2021 - 25.07.2021		9		
26.07.2021		31.07.2021	5	7
01.08.2021		31.08.2021	20	
01.09.2021		10.09.2021	8	
JUMLAH HARI		33		
<b>CUTI PERTENGAHAN PENGGAL</b>			1	
11.09.2021 - 19.9.2021		9		
20.09.2021		30.09.2021	9	12
01.10.2021		31.10.2021	20	
01.11.2021		30.11.2021	19	
01.12.2021	10.12.2021	8		
JUMLAH HARI		56		
<b>CUTI AKHIR TAHUN</b>			3	
11.12.2021 - 31.12.2021		21		

**HARI GANTI**

Hari ganti adalah hari yang pendidikan hendaklah dijalankan di sekolah bagi menggantikan hari yang pendidikan tidak dapat dijalankan atas apa-apa sebab yang diluluskan oleh Pendaftar. Hari ganti persekolahan bagi sekolah-sekolah dalam negeri Kumpulan B boleh diambil daripada mana-mana hari Sabtu minggu ke 2 atau ke 4 dalam mana-mana bulan pada tahun 2021 jika guru besar atau pengetua mendapati bahawa hari sekolah bagi sekolahnya adalah kurang dari satu ratus sembilan puluh (190) hari.

## CUTI PERAYAAN TAHUN 2021

CUTI PERAYAAN	TAMBAHAN CUTI PERAYAAN YANG DIPERUNTUKKAN OLEH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)		
	KUMPULAN A	KUMPULAN B	CATATAN
TAHUN BARU CINA 12.02.2021 (Jumaat) dan 13.02.2021 (Sabtu)	10.02.2021 (Rabu)	10.02.2021 (Rabu)	Dua (2) Hari Cuti Tambahan KPM
	11.02.2021 (Khamis)	11.02.2021 (Khamis)	
HARI RAYA AIDILFITRI 13.05.2021 (Khamis) dan 14.05.2021 (Jumaat)	11.05.2021 (Selasa)	11.05.2021 (Selasa)	Dua (2) Hari Cuti Tambahan KPM
	12.05.2021 (Rabu)	12.05.2021 (Rabu)	
HARI KAAMATAN 30.05.2021 (Ahad) dan 31.05.2021 (Isnin)		Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan sahaja	Dalam Cuti Pertengahan Tahun
HARI GAWAI DAYAK 01.06.2021 (Selasa) dan 02.06.2021 (Rabu)		Negeri Sarawak sahaja	Dalam Cuti Pertengahan Tahun
HARI DEEPAVALI 04.11 2021 (Khamis)	03.11.2021 (Rabu)	03.11.2021(Rabu) & 05.11.2021(Jumaat)  Semua Negeri Kumpulan B Kecuali Sarawak	Dua (2) Hari Cuti Tambahan KPM
	07.11.2021 (Ahad)	05.11.2021 (Jumaat) Sarawak Sahaja	Satu (1) Hari Cuti Tambahan KPM

**KUMPULAN A :**

Sekolah-sekolah di negeri: Johor, Kedah, Kelantan dan Terengganu

**KUMPULAN B :**

Sekolah-sekolah di negeri: Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan & Wilayah Persekutuan Putrajaya

**CATATAN :**

Perayaan Hari Kaamatan : 30 & 31 Mei 2021 (Dalam Cuti Pertengahan Tahun)  
 Perayaan Hari Gawai Dayak : 01 & 02 Jun 2021 (Dalam Cuti Pertengahan Tahun)  
 Perayaan Hari Raya Qurban : (Dalam Cuti Pertengahan Penggal)  
 20 Julai 2021 (semua negeri kecuali Kedah, Kelantan, Perlis & Terengganu tambahan cuti pada 21 Julai 2021)  
 Perayaan Hari Krismas : 25 Disember 2021 (Dalam Cuti Akhir Tahun)